

Headline	TNB siasat gangguan bekalan		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	08 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	22,187	Readership	66,561
Section	News	Page No	80
ArticleSize	119 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,520		



Johor Bahru

TNB siasat gangguan bekalan

Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan mengemukakan laporan mengenai gangguan bekalan elektrik yang berlaku di bandar raya ini kelmarin, kepada Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam tempoh seminggu.

Pengurus Besar TNB Johor (Perkhidmatan Pelanggan) Datuk Baderul Sham Saad (*gambar*) berkata, syarikat itu menyiasat punca sebenar kejadian yang melanda pusat bandar serta beberapa kawasan di Tampoi dan Tebrau.

“Kami masih menyiasat punca sebenar gangguan ini dan kini berhubung dengan suruhanjaya berkenaan.

“Kami berharap dapat mengemukakan laporan kepada mereka dalam masa seminggu,” katanya ketika dihubungi NSTP di sini, semalam.

Kelmarin, Baderul Sham dilaporkan berkata, kejadian yang berlaku kira-kira jam 1 tengah hari



kelmarin disebabkan kerosakan pada pencawang utama 132/33kV di Komtar Johor Bahru City Centre (JBCC).

Kira-kira 10,000 pengguna terjejas akibat kejadian itu dengan ribuan pemandu terperangkap dalam lalu lintas akibat lampu isyarat tidak berfungsi.

Ada juga satu laporan orang yang terperangkap dalam lif, bagaimanapun, tiada kecederaan dilaporkan.